

'Beri sokongan padu kepada mereka dipilih jadi calon'

UM 19 JUN 1990

BESUT 18 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan semua anggota UMNO supaya memberi sokongan padu kepada, sesiapa sahaja yang dipilih menjadi calon dalam pilihanraya umum akan datang bagi memastikan Barisan Nasional dapat membentuk kerajaan dengan majoriti dua pertiga.

Perdana Menteri menegaskan, ini penting dalam usaha membentuk sebuah kerajaan yang kuat dan mampu bertindak demi kepentingan semua lapisan rakyat di negara ini.

Beliau menekankan soal siapa yang dipilih sebagai calon di sesuatu kawasan tidak perlu difikirkan tetapi pembentukan kerajaan di negeri-negeri dan pusat amat penting selepas mencapai kemenangan dalam pilihanraya umum nanti.

Oleh
Haji Mohamed Jusoh

Perdana Menteri memberi ingatan ini kepada ahli-ahli UMNO yang menghadiri majlis silaturahmi antara Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin UMNO dalam bahagian Besut di dewan majlis daerah di sini tengah hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Yusuf Noor, Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Haji

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

'BERI SOKONGAN KEPADA MEREKA DIPILIH JADI CALON'

UM 19 JUN 1990

Awang Jabar dan Exco kerajaan negeri.

Sebelum itu, Dato' Sri Dr. Mahathir dibawa melawat projek benteng Sungai Nail sepanjang 630 meter yang disiapkan bagi akhir tahun lalu dengan perbelanjaan \$2.13 juta bagi melindungi 50 buah rumah daripada hakisan dan memberi faedah kepada 100 bot nelayan di Kuala Besut.

Perdana

Menteri

berkali-kali mengingatkan mereka yang tidak dipilih menjadi calon supaya merapatkan semula hubungan dan memberi sokongan penuh kepada calon yang ditetapkan bagi menjamin BN terus mendapat kemenangan lebih daripada dua pertiga.

Beliau tidak mahu ada golongan yang 'menikam dari belakang' kerana kecewa calon mereka tidak terpilih dan menimbulkan

isu politik semata-mata kerana tidak menyukai calon.

"Kita bimbang sekiranya perkara ini tidak difikirkan bersama mungkin mereka cepat merajuk dan menyertai parti pembangkang seperti Semangat 46 dan PAS yang berjuang semata-mata untuk kepentingan diri," tambahnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan, pemilihan calon bukan kerana or-

angnya tetapi sebagai mencukupi bilangan wakil rakyat yang boleh membantu membentuk kerajaan yang kuat untuk faedah rakyat keseluruhannya.

Menurutnya, pemilihan seseorang calon itu jangan dianggap untuk berebut jawatan atau mengangkat sesiapa tetapi adalah secara kebetulan sahaja.

"Kita tubuh UMNO untuk khidmat, memeli-

hara dan mempertahankan kerajaan di negeri-negeri di samping membentuk semula Kerajaan Pusat bagi meneruskan pembangunan untuk manfaat rakyat," ujar beliau.

Perdana Menteri juga menyebut masalah titik bengkak, seperti siapa yang layak atau tidak layak, perlu diitetapkan kerana calon yang ditetapkan oleh pucuk pimpinan itu perlu diberi sokongan.